

09 MAY 2003

Abdullah-Usul (Bergambar)

SETIAP USUL DITELITI JAWATANKUASA USUL - ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata semua usul akan diteliti dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Usul Umno sebelum ia dikemukakan kepada Majlis Tertinggi (MT) parti.

Beliau berkata usul-usul yang dikemukakan oleh setiap cawangan atau bahagian Umno perlu ditapis kerana ada sesetengah usul itu tidak dibahas atau ditolak atas sebab-sebab tertentu.

"Jadi, Jawatankuasa Usul Umno biasanya akan menapis usul yang dihantar, ada yang diterima tanpa bahas, ada yang tidak diterima ... dan akan ada juga usul utama (besar) yang akan ditetapkan MT kemudian," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat khas Jawatankuasa Pusat Perayaan Jubli Emas Kongsi Kuasa Barisan Nasional (BN) di sini, hari ini.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai usul had umur anggota Pergerakan Puteri Umno yang dibangkitkan beberapa bahagian Puteri Umno untuk dibahaskan pada Perhimpunan Agung parti pada 18 hingga 20 Jun ini.

Abdullah berkata Puteri Umno berhak membuat sebarang usul untuk parti.

Puteri Umno sebelum ini mengemukakan usul supaya anggota baru wanita yang berusia 35 tahun ke bawah diterima secara automatik sebagai anggota Puteri Umno.

Peraturan sekarang memberi pilihan kepada mereka yang berumur 35 tahun ke bawah untuk sama ada menjadi anggota Puteri atau Wanita Umno.

"Kita akan beri perhatian (kepada usul ini), soalnya sama ada kita nak terima atau tidak, kita kena bincang dulu," kata Abdullah.

Diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memuji khidmat cemerlangnya semasa memangku jawatan Perdana Menteri, Abdullah berkata: "Saya rasa terharu dengan kenyataan Dr Mahathir itu."

Abdullah berkata beliau amat bersyukur kerana sepanjang memangku jawatan Perdana Menteri selama dua bulan itu, beliau tidak menghadapi masalah besar yang boleh menjejaskan keamanan negara dan menggugat kestabilan Umno.

"Semasa saya memangku, tidak ada apa-apa yang teruk berlaku yang memudaratkan parti dan negara. Saya akan terus bekerja seperti biasa dan PM pun dah ada dalam negara. Tentang apa yang akan berlaku kemudian, itu kita cakup kemudianlah," katanya.

-- BERNAMA

RAM HS NAK